

Kepada Editor,  
[Untuk siaran segera:](#)

## **Cahaya Society memenangi geran €40,000 daripada Dana Impak Sosial 2024 Allianz untuk dimanfaatkan oleh belia di Sandakan**

**Kuala Lumpur, 5 Julai 2024** – Rakan kongsi sosial Allianz Malaysia Berhad (Allianz Malaysia), Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah (Cahaya Society), baru-baru ini telah memenangi sejumlah €40,000 (kira-kira RM202,866) geran daripada Dana Impak Sosial 2024 Kumpulan Allianz dalam kategori *MoveNow* dengan penyepaduan Celik Kewangan.

Dana Impak Sosial ialah program utama Kumpulan Allianz yang menawarkan peluang strategik kepada entiti operasi Allianz di seluruh dunia untuk menerima pembiayaan untuk aktiviti Kewarganegaraan Korporat tempatan mereka, memfokuskan pada membina perkongsian merentas sektor dan impak yang boleh diukur untuk menyokong generasi akan datang.

Cahaya Society adalah salah satu daripada 31 pemenang di seluruh dunia untuk mendapatkan geran tersebut. Geran itu akan digunakan untuk Projek Sosioekonomi Belia: Latihan Peningkatan Kemahiran & Daya Tahan Komuniti Kurang Bernasib Baik, yang melibatkan peningkatan kemahiran jahitan selama tiga tahun yang dijalankan secara berperingkat yang bertujuan untuk memanfaatkan lebih 100 belia daripada komuniti kurang bernasib baik di Sandakan, Sabah.

Pada peringkat pertama, belia akan mempelajari asas jahitan dan peralatan. Pembelajaran peringkat kedua adalah mengenai literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan akhir sekali, pengeluaran dan pemasaran media sosial. Aktiviti ini akan melengkapkan komuniti sasaran dengan celik kewangan dan kemahiran keusahawanan yang diperlukan.

Mencerminkan perkongsian jenama global Allianz dengan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa dan Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa, Dana Impak Sosial menggabungkan inisiatif *MoveNow* yang memperkasakan golongan muda melalui sukan dan pergerakan untuk badan, minda dan jiwa mereka.

Di bawah kategori ini, Cahaya Society akan menganjurkan Green ICT Bootcamp, dengan tujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan perniagaan seperti membuat keputusan termaklum, asas pengiraan untung dan rugi, simpan kira, menyimpan dan melabur sambil menggabungkan aktiviti fizikal untuk menjadikan sesi perkhemahan interaktif.

Allianz Malaysia melalui cabang tanggungjawab sosial korporatnya, Allianz4Good, telah bekerjasama dengan Cahaya Society sejak 2019 untuk memberi manfaat kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan di Sandakan.

Ketua Allianz4Good, Ng Siew Gek berkata, "Melalui kerjasama dengan Cahaya Society ini, kami berharap dapat melihat kesan positif projek itu dan untuk membuat perubahan dalam komuniti kurang bernasib baik yang disasarkan di Sandakan," katanya.

Pengarah Eksekutif Cahaya Society, Wadzkir Abdul Hamid berkata, "Penganugerahan ini merupakan peluang yang baik untuk memperkasakan belia, terutamanya bagi mereka yang berminat untuk belajar dan meneroka lebih lanjut dalam meningkatkan kemahiran dan membina daya tahan.

"Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbesar hati kerana terpilih sebagai salah satu penerima geran di bawah Dana Impak Sosial 2024 oleh Kumpulan Allianz. Kami mengharapkan sebuah kerjasama yang memberi impak pada masa hadapan."

#### Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

##### **Shamala Gopalan**

Group Head  
Corporate Communications Department  
Allianz Malaysia Berhad  
Mobile: 016.285.0685  
Email: [shamala.gopalan@allianz.com.my](mailto:shamala.gopalan@allianz.com.my)

##### **Gary Mark Nagan**

Manager  
Corporate Communications Department  
Allianz Malaysia Berhad  
Mobile: 012.367.1450  
Email: [gary.nagan@allianz.com.my](mailto:gary.nagan@allianz.com.my)

#### **Mengenai Allianz di Malaysia**

Syarikat pemegang pelaburan, Allianz Malaysia Berhad, sebuah anak syarikat Allianz SE., mempunyai dua buah anak syarikat insurans - Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz General") dan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Allianz Life"). Allianz General adalah salah sebuah syarikat insurans am di Malaysia dan mempunyai spektrum yang meluas bagi perkhidmatan dalam talian peribadi; perniagaan perusahaan sederhana dan kecil (PKS) dan industri yang berisiko besar. Jumlah GWP untuk perniagaan insurans am untuk tahun kewangan 2023 mencapai RM3.00 bilion. Allianz Life menawarkan rangkaian komprehensif insurans hayat dan kesihatan serta produk berkaitan pelaburan dan untuk tahun kewangan 2023, Allianz Life mencatatkan GWP sebanyak RM3.54 bilion dan merupakan salah satu syarikat insurans hayat yang paling pesat berkembang di Malaysia. Allianz Malaysia mempunyai 30

#### **ALLIANZ MALAYSIA BERHAD**

Level 29, Menara Allianz Sentral  
203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur  
Tel: 603-2264 1188/ 0688  
Fax: 603-2264 1199  
[allianz.com.my](http://allianz.com.my)

#### **ALLIANZ CUSTOMER SERVICE CENTRE**

ALLIANZ ARENA, Ground Floor, Block 2A  
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur  
Customer Contact Center: 1 300 22 5542  
Email: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
[AllianzMalaysia](#)

cawangan di seluruh negara. Pada 2023, Allianz Malaysia memenangi Emas dalam kategori Kepelbagaian dan Kemasukan dalam Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia. Allianz Malaysia turut memenangi Emas dalam kategori Strategi Kerja Jauh Terbaik, Strategi Pemulihan Pasca Pandemik Terbaik, Strategi Pengurusan Jauh Terbaik dan Anugerah Penglibatan Keseluruhan dalam Anugerah Pengalaman Pekerja 2024 Malaysia. Allianz Malaysia memenangi Perak untuk Kecemerlangan dalam Fleksibiliti Tenaga Kerja. Allianz General dan Allianz Life disenaraikan sebagai 5 terbaik dalam industri takaful dan insurans berdasarkan skor Indeks Kepuasan Perkhidmatan Pelanggan (CSI) Tinjauan Kepuasan Pelanggan (CSS 2022).

Untuk mengetahui lebih lanjut, layarilah [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

Facebook: [facebook.com/AllianzMalaysia/](https://facebook.com/AllianzMalaysia/) | Instagram: [instagram.com/allianzmalaysia/](https://instagram.com/allianzmalaysia/)

LinkedIn: [linkedin.com/company/allianzmalaysia/](https://linkedin.com/company/allianzmalaysia/)

### Mengenai Allianz

Kumpulan Allianz ialah salah satu penanggung insurans dan pengurus aset terkemuka dunia dengan lebih 126 juta\* pelanggan swasta dan korporat di lebih 70 negara. Pelanggan Allianz mendapat manfaat daripada rangkaian luas perkhidmatan insurans peribadi dan korporat, daripada insurans harta, nyawa dan kesihatan kepada perkhidmatan bantuan kepada insurans kredit dan insurans perniagaan global. Allianz ialah salah satu pelabur terbesar dunia, menguruskan sekitar 809 bilion euro bagi pihak pelanggan insuransnya. Tambahan pula, pengurus aset kami PIMCO dan Allianz Global Investors menguruskan hampir 2.0 trilion euro aset pihak ketiga. Terima kasih kepada penyepaduan sistematik kriteria ekologi dan sosial kami dalam proses perniagaan dan keputusan pelaburan kami, kami adalah antara peneraju dalam industri insurans dalam Indeks Kelestarian Dow Jones. Pada 2021, lebih 155,000 pekerja mencapai jumlah pendapatan sebanyak 148.5 bilion euro dan keuntungan operasi sebanyak 13.4 bilion euro untuk kumpulan itu.

\* Termasuk entiti bukan disatukan dengan pelanggan Allianz.

\*\* Setakat December 31, 2023

#### ALLIANZ MALAYSIA BERHAD

Level 29, Menara Allianz Sentral  
203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur  
Tel: 603-2264 1188/ 0688  
Fax: 603-2264 1199  
[allianz.com.my](http://allianz.com.my)

#### ALLIANZ CUSTOMER SERVICE CENTRE

ALLIANZ ARENA, Ground Floor, Block 2A  
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur  
Customer Contact Center: 1 300 22 5542  
Email: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
[AllianzMalaysia](https://facebook.com/AllianzMalaysia/)